

SARAWAK PERLUKAN LEBIH RAMAI TENAGA KAUNSELOR

October 14, 2016, Friday
Oleh Agnes Tugong//

The Borneo Post



TERIMA KASIH: Halim (kiri) menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada Fatimah sambil disaksikan Kadim (tiga kanan) serta yang lain.

KUCHING: Sarawak memerlukan lebih ramai tenaga kaunselor yang dapat menyediakan khidmat kaunseling secara profesional dan beretika kepada golongan yang memerlukan.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Fatimah Abdullah berkata ketika ini, Sarawak hanya mempunyai seramai 315 kaunselor berdaftar.

Jumlah ini katanya, amat rendah berbanding negeri-negeri lain dalam Malaysia dan tidak mencukupi bagi sesebuah negeri dengan saiz terbesar di Malaysia.

“Kita mempunyai para-kaunselor yang berkhidmat secara sukarela dalam memberi bimbingan dan kaunseling kepada golongan yang memerlukan seperti mangsa banjir dan sebagainya.

“Memandangkan tenaga kaunselor kita adalah tidak mencukupi, maka saya mencadangkan supaya para-kaunselor ini dinaik taraf kepada kaunselor yang memenuhi syarat.

“Ini penting, bagi membolehkan kita membantu lebih ramai individu yang memerlukan khidmat kaunseling dan bimbingan di negeri ini bagi menangani masalah mereka terutama yang melibatkan psikologi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada penutupan Seminar Antarabangsa Mengenai Kaunseling Profesional 2016 (International ProCoun’ 16) di sebuah hotel terkemuka di sini semalam.

Seminar tersebut merupakan anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA International) selama tiga hari bermula 11 hingga 13 Oktober dengan penyertaan seramai 230 peserta dari dalam dan luar negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Fatimah menyatakan kebimbangan terhadap trend masalah mental yang semakin membimbangkan masyarakat di seluruh dunia.

Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) katanya, telah mengumumkan bahawa kira-kira 450 juta individu di dunia mempunyai masalah mental pada masa kini dengan setiap satu daripada empat individu bergelut dengan masalah mental.

Berdasarkan kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Sarawak ber-ada di kedudukan ketiga dalam masalah kesihatan mental dengan 29.2 peratus daripadanya adalah daripada kalangan individu berusia antara 16 hingga 19 tahun.

Mengulas lebih lanjut mengenai seminar tersebut, Pre-siden PERKAMA International Datuk Dr Abdul Halim Hussin berkata ia merupakan seminar antarabangsa kaunseling yang julung kalinya diadakan di sini.

Seminar ini merupakan program ilmiah yang memfokuskan kepada bidang kaunseling dan psikologi selain menyediakan satu platform bagi pengamal kaunseling, ahli akademik kaunseling serta profesional yang terlibat secara langsung atau tidak langsung berkongsi idea dan inovasi untuk pembangunan kaunseling.

Tema bagi persidangan ini ialah ‘ICare, YOUCare, WECare’ dan turut mendapat kerjasama Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Agensi Anti-dadah Kebangsaan, Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Persatuan Kesihatan Mental Sarawak dan Persatuan Pegawai Psikologi Awam Malaysia.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi turut hadir pada majlis penutupan seminar semalam.